

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian sekarang akan memberi komitmen kepada Pembangunan Seni dan Budaya Malaysia yang sedang mengalami kemelut kekurangan pelapis dan pewaris yang mampu untuk meneruskan legasi seni dan budaya Malaysia seperti Mak Yong, Mek Mulong, Dondang Sayang dan sebagainya. Jelaskan bagaimana kerajaan baru akan menjaga kebajikan adi guru, seniman, budayawan dan veteran-veteran yang telah banyak menyumbang kepada seni budaya tanah air Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini terus komited dalam pembangunan seni dan budaya Malaysia melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan. Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN) telah melaksanakan program penyelidikan seni budaya melibatkan kerjasama antara tokoh, pihak universiti serta Badan Bukan Kerajaan dalam pelbagai bidang seni persembahan dan adat masyarakat bagi memastikan kelangsungan seni budaya tetap terpelihara. Secara tidak langsung, penyelidikan sebegini

memberi peluang kepada adiguru, seniman, budayawan dan veteran-veteran untuk menyumbang kepakaran, kemahiran dan ilmu mereka dalam mengenal pasti pelapis dan pewaris. Hasil penyelidikan yang didokumenkan pula dapat disebar luas sebagai rujukan generasi akan datang. Antara program pemuliharaan yang dilaksanakan termasuk Festival Kesenian Tradisional, Siri Teater Tradisional, Panggung Seni Tradisional dan Festival Seni Hidup. Sebagai usaha mengukuhkan lagi pemuliharaan dan pemeliharaan seni budaya, JKKN juga melaksanakan bengkel dan seminar berkaitan kesenian tradisional seperti Bengkel Pembuatan Tengkolok, Bengkel Penyelidikan Seni Budaya, Seminar Eksplorasi Mak Yong dan Kuliah Budaya.

2. Pelaksanaan program Perantisan oleh JKKN bertujuan untuk memulihara, memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus dengan pewujudan kumpulan pelapis yang mampu menguasai segala aspek kesenian seni tradisional yang dipilih melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman oleh tokoh dan adiguru. Program ini melibatkan sesi pembelajaran secara intensif dalam bentuk kumpulan sama ada secara bersemuka ataupun dalam talian. Pada tahun 2020, program ini dilaksanakan di sembilan (9) negeri iaitu Pulau Pinang, Pahang, Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Melaka, Terengganu dan Perak. Negeri Selangor, Johor, Perlis, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlibat dalam mempromosikan kumpulan Perantisan yang masih aktif.

3. Kementerian turut memberikan penekanan dalam keperluan latihan akademik dan pembelajaran berkualiti bagi melahirkan pelapis dan pewaris berkemahiran dalam bidang seni, budaya dan warisan. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) telah mewujudkan sebuah pusat kecemerlangan dalam kesenian tradisional yang dinamakan sebagai Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) bermula 24 Jun 2014 yang bertanggungjawab dalam membuat penelitian, penyelidikan, pengembangan kesenian tradisional Malaysia serta melatih para pelajar ASWARA dalam seni persembahan tradisional. ASWARA juga memperkenalkan kursus-kursus wajib akademik kepada setiap pelajar prasiswazah yang menjurus kepada kesenian tradisional Malaysia seperti Mak Yong, Bangsawan, Mek

Mulong, Randai dan lain-lain. Setakat ini, ASWARA telah melantik seramai empat (4) orang adiguru sebagai pakar rujuk penyelidikan serta penerbitan berdasarkan khidmat dan kepakaran dalam bidang seni dan budaya khususnya Falsafah Muzik Tradisional, Mak Yong dan Gamelan. Pelantikan tambahan adiguru turut dirancang di setiap fakulti mengikut bidang kepakaran masing-masing termasuk muzik, tari, seni halus, teater, filem, penulisan kreatif, animasi, multimedia dan warisan.

4. Sebagai usaha dalam meneruskan pembangunan seni budaya dan legasi teater tradisional, Istana Budaya (IB) mengadakan beberapa pementasan teater tradisional antaranya Mak Yong, Bangsawan, Wayang Kulit dan lain-lain. Jurulatih Artis Tari IB turut melatih Artis Budaya bagi menyediakan pelapis pada masa akan datang. Program Asuhan Seni di bawah cawangan muzik dilaksanakan bagi mewujudkan pelapis dalam muzik gamelan yang melibatkan generasi muda termasuklah pelajar dari institut pengajian tinggi awam dan swasta.

5. Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) melaksanakan program latihan daripada semasa ke semasa melibatkan golongan muda dengan menjemput pakar-pakar dalam bidang berkaitan untuk mengajar di Pusat Pengembangan Warisan JWN. Pengiktirafan penggiat seni sebagai Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WaKOH) di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) juga dilaksanakan dan sehingga kini, pihak JWN telah mengiktiraf dua puluh tujuh (27) tokoh dalam pelbagai bidang seni dan budaya termasuk bangsawan, cerita rakyat, tarian, muzik, teater, seni halus dan kraf. Tokoh-tokoh yang diiktiraf diberikan insentif termasuklah wang tunai, kemudahan perubatan percuma, sokongan dan bantuan dalam mengembangkan karya seninya melalui usaha-usaha bersama Kementerian serta menjadi pakar rujuk kepada kementerian sama ada untuk memberikan tunjuk ajar, khidmat nasihat, pemudah cara, pemakalah, suri teladan dan seumpamanya tertakluk kepada keperluan.

Sekian, terima kasih.